

Keputusan Sertai Malaysia 50 Tahun Lalu Tindakan Berani Dan Tepat - Najib Bernama
17 Sept, 2013

KOTA KINABALU, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan keputusan pemimpin Sabah terdahulu dan rakyat negeri ini untuk menyertai Malaysia adalah tindakan yang berani dan tepat.

Katanya keputusan pemimpin dan rakyat Sabah menyertai Persekutuan Malaysia 50 tahun lalu itu yang disusuli dengan pembentukan perlembagaan baharu di peringkat persekutuan dan negeri walaupun menghadapi pelbagai cabaran telah membawa pelbagai kejayaan yang kini dikecapi semua lapisan rakyat.

Justeru Najib menyenaraikan tiga ukuran mengapa keputusan berkenaan adalah tepat untuk Sabah yang boleh disaksikan dan dirasai seluruh rakyat Sabah dan Malaysia amnya.

"...walaupun berjauhan, dipisahkan Laut China Selatan tetapi kita merasakan diri kita amat dekat antara satu sama lain. Saya merasakan demikian setiap kali datang ke Sabah, saya merasakan orang Sabah dekat di hati saya.

"Demikianlah juga dengan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, menteri-menteri persekutuan dan pegawai kerajaan dari semenanjung yang berkhidmat di Sabah ini merasakan bahawa diri mereka diterima sebagai satu keluarga yang besar," katanya ketika berucap pada majlis Sambutan Hari Malayasia dan Perayaan 50 Tahun Sabah Merdeka Dalam Malaysia di Taman Prince Philip, Tanjung Aru di sini Isnin malam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan isteri Datin Seri Faridah Tussin dan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Menurut Najib walaupun rakyat Malaysia di Sabah dan Semenanjung ada perbezaan dari segi dialek bahasa namun itu tidak menghalang kedua-dua rakyat yang dipisahkan Laut China Selatan untuk mengukuhkan ikatan persaudaraan dan persefahaman sehingga membentuk bangsa Malaysia bersatu.

"Dari segi perbezaan sebutan, kadang-kadang kita (Semenanjung) kata 'tetap' orang Sabah kata 'tatap'. Beza sebutan saja yang berlainan, yang penting apa di hati kecil kita, yang penting apa yang meresap dalam jiwa, apa yang bermakna ialah darah yang mengalir dalam badan kita, di hati, jiwa dan darah kita yang tidak dapat dipisahkan antara kita," katanya.

Lantaran itu, kata Najib, rakyat Malaysia walaupun dari negeri dan daerah manapun asalnya akan merasakan bahawa mereka adalah satu keluarga yang besar.

Menurut Najib ukuran kedua kesatuan kukuh rakyat Malaysia hasil pembentukan Malaysia 50 tahun lalu boleh dilihat dalam kesepaduan rakyat menghadapi apa juga ancaman dalam dan luar negara bagi mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang cubaan mengganggu-gugatnya.

Sebagai contoh, katanya, apabila mana-mana pejuang negara terkorban dalam perjuangan menentang musuh seperti dalam insiden pencerobohan di Lahad Datu tidak ada anak, isteri dan keluarga pejuang berkenaan mempersoal mengapa keluarga mereka terkorban di

medan pertempuran itu.

Najib berkata ukuran ketiga ialah kemajuan yang dicapai Sabah kini jauh berbeza berbanding 50 tahun lalu di mana kadar kemiskinan pada tahun 1976 ialah 58.3 peratus berjaya diturunkan kepada 19.7 peratus pada 2009 dan terus menurun kepada 8.1 peratus pada 2012.

"Insya-Allah kadar kemiskinan pada tahun 2018 akan berkurangan kepada tiga peratus," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978084>